

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA , PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS**

**KAWASAN : HULU LANGAT**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 37**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berdasarkan suhu politik semasa yang sering dieksplorasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, perlukah Kerajaan meminda atau memperkuatkan lagi Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta751), khususnya Seksyen 8 (a)-(d) mengenai peranan Mediator Komuniti dalam menyelesaikan masalah sensitif di peringkat akar umbi.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sedia maklum bahawa dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan

keharmonian masyarakat, kita perlu menangani perselisihan faham yang kadang kala berlaku di antara satu sama lain supaya mengelakkan daripada tercetusnya ketegangan atau kejadian yang lebih serius sehingga boleh mengakibatkan rusuhan kaum.

Maka pendekatan perdamaian diperkenalkan melalui proses mediasi komuniti. Mediator Komuniti (MK) merupakan pihak ketiga yang berkecuali yang akan berusaha mencari jalan perdamaian di antara pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik. MK ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin KRT dan pegawai-pegawai kerajaan yang dilatih khas untuk membantu menyelesaikan pertikaian atau konflik di peringkat akar umbi dan sekaligus memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Justeru, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk memantapkan jentera akar umbi di dalam memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini melalui pindaan kepada Akta Rukun Tetangga 2012 atau Akta 751 sedia ada. Pindaan bertujuan untuk memperkasakan pengurusan Rukun Tetangga (RT), pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan juga pelaksanaan Mediator Komuniti (MK) di seluruh negara. Sehingga 30 September 2019, seramai 1,130 orang MK telah berjaya ditauliahkan oleh PERPADUAN.

Sekian, terima kasih.